



Pengantarabangsaan

PELUANG KERJASAMA BERSAMA UNIVERSITY LOUGHBOROUGH, UNITED KINGDOM

Pada 26 Julai 2007 yang lalu, UniMAP telah menerima tetamu dari University Loughborough, United Kingdom. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk meninjau peluang-peluang kerjasama dengan universiti-universiti di Malaysia di dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan juga lain-lain program. Ketua delegasi tersebut Mr. John Harper, Director of the Graduate School, menyatakan bahawa UniMAP adalah antara universiti di Malaysia yang dikenalpasti untuk tujuan tersebut. Delegasi tersebut juga terdiri daripada Dr. Martin Harrison, Associate Dean of Teaching-Science dan Puan Wan Badariah

dari MABECS yang membantu dalam pertemuan antara UniMAP dan University Loughborough, United Kingdom.

Pusat Hal Ehwal Antarabangsa (PHEA) UniMAP telah menganjurkan satu sesi dialog di mana peluang kerjasama dan lain-lain hal yang berkaitan dibincangkan. Sesi dialog tersebut dipengerusikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff (Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa), turut di hadiri oleh Dekan-dekan Pusat Pengajian serta Dekan PHEA. Delegasi juga dibawa melawat ke kampus bertaburan UniMAP.